

20 DEC 1997

Ghapur

GHAPUR SEDIA TIMBANG SEMULA PELETAKAN JAWATAN

KOTA KINABALU, 20 Dis (Bernama) -- Abdul Ghapur Salleh, yang telah mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah, akur dengan nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar beliau menimbang semula keputusan untuk meletakkan jawatan yang diumumkankannya Sabtu lepas.

Beliau, yang turut mengumumkan peletakan jawatan sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah, bagaimanapun berkata, sebarang keputusan muktamad akan diumumkan selepas tamat tempoh cuti beliau.

"Saya masih bercuti sehingga hujung bulan ini dan selepas itu barulah saya akan mengumumkan keputusan saya," katanya kepada pemberita di kediamannya di Likas, di sini, hari ini.

Semalam, beliau telah berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan isu peletakan jawatan tersebut.

Perdana Menteri ketika ditemui pemberita di Kuala Lumpur hari ini berkata beliau telah meminta Abdul Ghapur agar mempertimbangkan semula peletakan jawatan itu.

Abdul Ghapur, 54, menjadikan masalah peribadi dan kegagalannya melaksanakan tugas, sebagai alasan kepada peletakan jawatan-jawatan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam berkata perkara peletakan jawatan Abdul Ghapur itu telah diserahkan kepada Dr Mahathir yang juga Presiden Umno.

"Saya bersetuju bahawa kepentingan parti harus mendahului kepentingan peribadi dan saya yakin Umno Sabah akan cukup kuat jika anggotanya berjuang atas landasan parti," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Kota Kinabalu malam ini setibanya dari Kuala Lumpur.

Katanya Abdul Ghapur perlu diberi masa untuk menimbang semula perkara itu.

Mengenai sama ada pentadbiran kerajaan negeri terjejas ekoran isu itu, Osu berkata, beliau yakin kabinet negeri mempunyai kemampuan untuk menangani, jika ada, masalah yang timbul. -- BERNAMA

JS RI